



22 AUG, 2026

Program GEAR-uP perkemas agenda pemerkasaan

Berita Harian, Malaysia

Program GEAR-uP perkemas agenda pemerkasaan

Kuala Lumpur: Jurang besar penyertaan korporat Bumiputera dalam pasaran awam ketara dilihat apabila hanya lapan syarikat Bumiputera disenaraikan di Bursa Malaysia antara 2020 hingga 2025, daripada lebih 230 syarikat yang memasuki pasaran saham sepanjang tempoh itu.

Kedua-dua itu menuntut agenda pemerkasaan syarikat Bumiputera diperkemas bagi melahirkan lebih banyak syarikat Bumiputera berdaya saing dan mampu disenaraikan di Bursa Malaysia.

Usaha itu dijalankan menerusi Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) diterajui Kementerian Kewangan dan dilaksanakan bersama enam syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) utama negara.

Ia merangkumi Khazanah Nasional Bhd, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Permodalan Nasional Bhd (PNB), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Lembaga Tabung Haji (TH).

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk

Rizal Rickman Ramli, berkata kekurangan syarikat Bumiputera melaksanakan tawaran awam permulaan (IPO) menjadi antara faktor mendorong GLIC, termasuk PNB membantu lebih banyak syarikat Bumiputera berpotensi tinggi berkembang sehingga mampu disenaraikan di Bursa Malaysia.

Menerusi GEAR-uP, katanya, PNB bersama lima GLIC lain memperkuatkan agenda pembangunan syarikat Bumiputera menerusi inisiatif '10 Juara Bumiputera' dan larian berganti atau *Relay Race*.

"Kedua-dua inisiatif itu adalah sebahagian daripada agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera di bawah Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35), bertujuan melahirkan lebih banyak syarikat Bumiputera berdaya saing dan berkeupayaan untuk berkembang ke peringkat seterusnya," katanya kepada *BH*.

Beliau berkata, inisiatif 10 Juara Bumiputera menyasarkan sekurang-kurangnya 10 syarikat Bumiputera disenaraikan dalam tempoh lima tahun, masing-masing dengan nilai pasaran sekurang-kurangnya antara RM300 juta hingga RM500 juta.

"Dalam satu mesyuarat ekonomi Bumiputera, Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) mencetuskan persoalan mengapa tidak banyak syarikat Bumiputera disenaraikan dan menyarankan GLIC bekerjasama untuk membantu menyelesaikan masalah ini," katanya.

Inisiatif 10 Juara Bumiputera memperlihatkan PNB bersama GLIC, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan agensi-agensi kerajaan telah mencalonkan kira-kira 170 syarikat yang berpotensi untuk dibangunkan.

Ia disusuli proses saringan berdasarkan saiz syarikat, tahap keuntungan dan beberapa kriteria lain dengan sekitar 50 syarikat disenaraikan.

Katanya, sembilan syarikat terpilih menyertai program berkenaan, manakala PNB menyasarkan untuk menambah jumlah itu kepada kira-kira 20 syarikat memandangkan tidak semua syarikat yang menyertai program dijangka berjaya mencapai sasaran penyenaian.

Rizal berkata, sokongan PNB bukan dalam bentuk suntikan modal, sebaliknya lebih menjurus kepada perkongsian kepakaran, akses pasaran dan bantuan membangunkan pelan

penciptaan nilai bagi setiap syarikat.

Beliau berkata, antara yang dibantu termasuk strategi memasuki pasaran baharu, penambahbaikan sistem perniagaan serta pelaksanaan sistem perancangan sumber perusahaan (ERP), selain membangunkan pelan penciptaan nilai atau Value Creation Plan (VCP) bagi setiap syarikat.

"Setiap syarikat perlu ada VCP. Kita membantu berdasarkan pengetahuan dan pengalaman kita. Ada syarikat yang mahu masuk pasaran baharu dan bertanya bagaimana untuk melakukannya, manakala ada yang perlu membuat pelaburan penambahbaikan dalam sistem ERP.

"Kita sudah mengenal pasti VCP bagi syarikat terbabit untuk membantu usahawan membangunkan syarikat mereka," katanya.

Menerusi inisiatif larian berganti, Rizal berkata, GLIC akan menyokong syarikat Bumiputera pada setiap peringkat kitaran pertumbuhan syarikat bermula dari modal teroka sehingga mencapai peringkat matang dan bersedia memasuki pasaran awam.

Beliau berkata, PNB menera-

jui peralihan ke pasaran awam bagi memastikan syarikat Bumiputera yang dibangunkan melalui pelaburan Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) terus berkembang dan kekal dalam rantaian pemilikan ekuiti Bumiputera.

"Contohnya, apabila Ekuinas mencapai tahap keluar daripada sesuatu pelaburan, penjualan saham kepada pelabur Bumiputera akan diberi keutamaan berbanding pembida tertinggi.

"Bila Ekuinas membuat pelaburan dan mahu menjual pelaburan itu, secara idealnya cara menjual adalah melalui IPO. Apabila masuk IPO, PNB boleh melabur dan kesinambungan pembinaan ekuiti Bumiputera akan kekal.

"Selain memastikan kesinambungan pemilikan, keuntungan diperolehi Ekuinas daripada pelaburan berkenaan akan disalurkan kepada PNB sebagai dividen, sebelum diagih kepada pemegang unit," katanya.

Beliau berkata, Orkim Bhd antara contoh terawal kejayaan pelaksanaan konsep berkenaan apabila kira-kira 40 peratus kepentingannya disenaraikan di pasaran, manakala PNB mengambil pegangan 60 peratus daripada Ekuinas.